



SETIAUSAHA  
Secretary  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN  
Education Service Commission  
ARAS 3, BLOK B3  
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62526 PUTRAJAYA



Telefon : 03-8871 7334  
03-8871 7333  
Fax : 03-8871 7497  
Web : <http://www.spp.gov.my>

Ruj. Kami : SPP.600-2/1/2 Jld. 7(44)  
Tarikh : 5 Jun 2018

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

### **PERLUASAN PELAKSANAAN SISTEM ePROPER (FASA 3) BAGI MEMPERAKU URUSAN PERKHIDMATAN ANGGOTA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (APP) SECARA ATAS TALIAN BAGI AGENSI BERTARAF BUKAN PTJ**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Dato'/tuan/puan maklum, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) telah membangunkan Sistem Proses Perkhidmatan (ePROPER) bagi membolehkan perakuan urusan perkhidmatan APP dibuat secara talian yang melibatkan urusan Pengesahan Pelantikan Tetap (PPT), Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP), Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) dan Pemberian Taraf Berpencen (PTB). Bagi tujuan pelaksanaan, SPP telah mengeluarkan Pekeliling SPP Bilangan 1 Tahun 2017 (PSPP 1/2017) bertajuk Pelaksanaan Sistem ePROPER (Projek Rintis) yang telah **menguatkuasakan pelaksanaan Sistem ePROPER secara rintis kepada Agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang bertaraf Pusat Tanggungjawab (PTJ)** bagi negeri-negeri seperti Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak mulai 1 Jun 2017. Sistem ini telah diperluaskan pelaksanaannya keseluruhan negara mulai tahun 2018 dengan melibatkan negeri-negeri seperti Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Selangor seiras dengan perenggan 12, PSPP 1/2017.

3. Bagi agensi yang bukan bertaraf PTJ, perakuan urusan perkhidmatan APP masih kekal dikemukakan kepada SPP secara manual (*hardcopy*) melalui PTJ masing-masing selaras dengan perenggan 9, PSPP 1/2017. Walau bagaimanapun hasil pelaksanaan sistem ePROPER agensi bukan PTJ di Negeri Sembilan serta mengambil kira matlamat SPP untuk melaksanakan sistem ePROPER sepenuhnya pada tahun 2018, maka **SPP memutuskan untuk memperluaskan pelaksanaan Sistem ePROPER kepada agensi yang bukan bertaraf PTJ supaya urusan perkhidmatan APP diperaku secara atas talian di seluruh negara kecuali Negeri Sembilan yang telah melaksanakannya mulai 15 Januari 2018. Tarikh kuat kuasa perluasan ini pada 1 Julai 2018.**

4. Dengan keputusan di atas, semua perakuan urusan perkhidmatan APP di agensi bertaraf bukan PTJ akan dikemukakan oleh PTJ kepada SPP secara atas talian. Manakala perakuan agensi berkenaan kepada PTJ yang mengendali dan mengemas kini Buku Perkhidmatan Kerajaan APP masih kekal dihantar secara manual. Sehubungan itu, hanya tiga (3) kategori pengguna Sistem ePROPER di PTJ yang mempunyai peranan (ID pengguna) akan bertindak untuk menyedia, menyemak dan memperakukan urusan perkhidmatan secara atas talian kepada SPP. Sebarang pengecualian ke atas keputusan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 16, PSPP 1/2017.

5. Kerjasama YBhg. Dato'/tuan/puan adalah dimohon untuk memanjangkan surat edaran ini kepada Bahagian/Pejabat Pendidikan Daerah dan agensi Bukan PTJ di bawah tanggungjawab pihak YBhg. Dato'/tuan/puan bagi memaklumkan pelaksanaan sepenuhnya Sistem ePROPER yang akan dikendalikan oleh pejabat YBhg. Dato'/tuan/puan selaras dengan takrifan Ketua Jabatan dalam PSPP 1/2017. Pihak YBhg. Dato'/tuan/puan perlu merujuk PSPP 1/2017 dalam melaksanakan peraturan yang ditetapkan dalam surat edaran ini.


6. Walau bagaimanapun jika ada sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh dirujuk juga kepada pegawai seperti yang dinyatakan seperti berikut:

- (i) Nama : Rosmashilah binti Omar  
Telefon : 03-8871 7314  
Emel : rosmashilah@spp.gov.my
- (ii) Nama : Siti Fatimah binti Mohd Daud  
Telefon : 03-8871 7425  
Emel : fatimah@spp.gov.my
- (iii) Nama : Mohd Shah bin Ismail  
Telefon : 03-8871 7421  
Emel : shah@spp.gov.my
- (iv) Nama : Nurul Aini binti Yusof  
Telefon : 03-8871 7429  
Emel : nurul.aini@spp.gov.my

7. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
(DATUK ABU BAKAR BIN IDRIS)



## SENARAI EDARAN

1. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis  
Jalan Tun Abdul Razak  
01990 Kangar  
**PERLIS**
2. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah  
Kompleks Pendidikan  
Jalan Stadium  
05604 Alor Setar  
**KEDAH**
3. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang  
Jalan Bukit Gambir  
11700 Gelugor  
**PULAU PINANG**
4. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tun Abdul Razak  
30640 Ipoh  
**PERAK**
5. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor  
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4  
40604 Shah Alam  
**SELANGOR**
6. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka  
Jalan Istana  
75450 Bukit Beruang  
**MELAKA**



7. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor  
Wisma Pendidikan, Jalan Tun Abdul Razak  
80604 Johor Bahru  
**JOHOR**
8. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang  
Bandar Indera Mahkota  
25604 Kuantan  
**PAHANG**
9. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu  
Jalan Bukit Kecil  
20604 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU**
10. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan  
Bandar Baru Tunjong  
16010 Kota Bharu  
**KELANTAN**
11. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin  
50604 Kuala Lumpur  
**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**
12. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Pejabat Pelajaran Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Jalan P16, Presint 16  
62150 Putrajaya  
**WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**
13. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Islam  
Aras Bawah dan Aras 2  
No.2251, Aras 3, Jalan Usahawan 1  
63000 Cyberjaya  
**SELANGOR**